



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PERKHIDMATAN TV DIGITAL KEMBALI KE UDARA

Perkhidmatan ujian TV Digital yang telah mengalami gangguan sejak 11 Oktober 2018 di beberapa buah negeri termasuk Kelantan, Pahang, Terengganu, Negeri Sembilan, Perak, Melaka, Sabah dan Sarawak kini boleh dinikmati semula oleh Rakyat.

Gangguan tersebut berpunca daripada beberapa isu komersial di antara pihak MYTV Broadcasting Sdn. Bhd (MYTV) dan Telekom Malaysia Berhad (TM).

Pada 22 November 2018 lalu, saya telah meminta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) supaya memudahcara penyelesaian berkenaan isu berkenaan dalam tempoh terdekat.

Beberapa siri perbincangan telah diadakan di antara MCMC, MYTV dan TM sejak beberapa minggu yang lalu.

MCMC kini telah melaporkan bahawa MYTV dan TM telah bersetuju terhadap kaedah penyelesaian berhubung isu komersial yang dihadapi oleh kedua-dua pihak.

Saya berpuas hati kedua-dua pihak telah mencapai kata sepakat berhubung dengan isu mereka. Ini bagi memastikan perkhidmatan TV Digital akan dapat dinikmati oleh Rakyat bermula hari ini. Apa yang lebih penting, penyampaian perkhidmatan kepada Rakyat

perluah sentiasa diberikan pertimbangan dan keutamaan tertinggi oleh semua penyedia perkhidmatan.

GOBIND SINGH DEO
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
30 NOVEMBER 2018